



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-21/7/6 JLD.3 (27)

Tarikh : 15 Jun 2022

Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Hospital/ Institusi Perubatan Khas
Semua Dekan Fakulti Perubatan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 15 TAHUN 2022 : GARIS PANDUAN URUSAN KHIDMAT WAJIB DI PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

TUJUAN

Surat Pekeling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 15 Tahun 2022 (“Surat Pekeling”) ini bertujuan untuk menguatkuasakan pemakaian **Garis Panduan Urusan Khidmat Wajib Di Perkhidmatan Awam Malaysia** seperti di **Lampiran A** (selepas ini dirujuk sebagai “**Garis Panduan ini**”) untuk membantu urusan khidmat wajib pengamal perubatan yang memperoleh pendaftaran penuh di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50] dalam perkhidmatan awam dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam.

LATAR BELAKANG

2. Peruntukan berhubung dengan khidmat wajib adalah di bawah seksyen 40, seksyen 41 dan seksyen 42 Akta Perubatan 1971 [Akta 50]. Pada masa ini, pekeliling yang berkuat kuasa berhubung dengan pelaksanaan khidmat wajib adalah *Surat Pekeling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 4/2017: Syarat Untuk Pertimbangan Pengecualian Khidmat Wajib Di Bawah Seksyen 42(1) Akta Perubatan 1971* dan *Malaysian Medical Council Guidelines & Application Form Relaxation of Compulsory Service* bertarikh 20 Oktober 2020 (“Garis Panduan Kelonggaran Khidmat Wajib Majlis Perubatan Malaysia”).

3. Melalui *Pemakluman Berkennaan Pengendalian Urusan Khidmat Wajib Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia Berkuatkuasa 1 April 2022* yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia pada 31 Mac 2022, urusan khidmat wajib kini dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

GARIS PANDUAN URUSAN KHIDMAT WAJIB DI PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

4. Garis Panduan ini menjelaskan urusan pemberian notis khidmat wajib dan juga proses permohonan kelonggaran khidmat wajib.

PEMAKAIAN

5. Semua Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan/ Hospital/ Institusi Perubatan Khas/ Pejabat Kesihatan Bahagian/ Kawasan/ Daerah/ Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Fakulti Perubatan/ Hospital Pengajar Universiti Awam dan Fakulti Perubatan/ Hospital Angkatan Tentera Malaysia hendaklah menerima pakai Garis Panduan ini supaya segala urusan berkaitan khidmat wajib adalah teratur serta selaras dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

6. Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan dalam Garis Panduan ini yang bercanggah dengan mana-mana pindaan baru Akta Perubatan 1971, maka peruntukan di bawah surat Pekeliling ini adalah tidak terpakai.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka *Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2017 bertarikh 6 Julai 2017 – Syarat Untuk Pertimbangan Pengecualian Khidmat Wajib di Bawah Seksyen 42(1) Akta Perubatan 1971 dibatalkan* dan *Garis Panduan Kelonggaran Khidmat Wajib Majlis Perubatan Malaysia* bertarikh 20 Oktober 2020 terbatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

PENUTUP

9. Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dirujuk kepada:

Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
Telefon : 03-8883 1100/ 1101/ 1115
Email : u_k.wajib@moh.gov.my

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan
Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan YBMK
Pejabat Menteri Kesihatan

LAMPIRAN A



**GARIS PANDUAN
URUSAN KHIDMAT WAJIB
DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
KANDUNGAN.....	1
TUJUAN.....	2
TAFSIRAN.....	2
LATAR BELAKANG.....	3
DASAR	3
PELAKSANAAN.....	4
<i>Notis Khidmat Wajib.....</i>	4
<i>Kelonggaran Khidmat Wajib.....</i>	4
TATACARA PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB.....	5
BORANG PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB.....	6
SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB.....	8
<i>Kategori Permohonan: Ambil Kira / Penangguhan / Pengurangan.....</i>	8
<i>Kategori I Permohonan: Pengecualian.....</i>	9
<i>Kategori II Permohonan: Pengecualian</i>	10

**GARIS PANDUAN URUSAN
KHIDMAT WAJIB DALAM PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

TUJUAN

1. Tujuan Garis Panduan Urusan Khidmat Wajib Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (“Garis Panduan ini”) ialah untuk menjelaskan mengenai dasar, pelaksanaan dan prosedur urusan khidmat wajib yang telah dikemas kini.
2. Garis panduan ini digubal bagi menjelaskan pelaksanaan urusan khidmat wajib pengamal perubatan berdaftar dalam perkhidmatan awam Malaysia selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 40, seksyen 41 dan seksyen 42 Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

TAFSIRAN

3. Bagi maksud Garis Panduan ini :
 - (a) ‘**Daftar**’ adalah sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta 50 iaitu erti Daftar Perubatan Malaysia di bawah seksyen 11 Akta 50;
 - (b) ‘**Ketua Jabatan**’ bermaksud pegawai yang mengetuai sesuatu agensi, institusi, hospital atau jabatan dalam perkhidmatan awam
 - (c) ‘**khidmat wajib**’ bermaksud perkhidmatan yang perlu dijalankan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh seperti yang telah disampaikan kepadanya melalui notis bertulis oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) menurut seksyen 40 Akta 50 supaya memegang suatu jawatan perubatan dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam bagi suatu tempoh terus menerus tidak kurang daripada dua tahun setelah diberikan pendaftaran penuh oleh Majlis Perubatan Malaysia;
 - (d) ‘**Pendaftar**’ adalah sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta 50 iaitu erti Pendaftar Pengamal Perubatan yang disebut dalam seksyen 10 Akta 50;
 - (e) ‘**Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh**’ bermaksud pengamal perubatan yang perakuan pendaftaran penuh dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen 14 Akta 50; dan
 - (f) ‘**perkhidmatan awam**’ adalah sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta 50 iaitu mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dan, selain itu, ia juga bererti perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa tempatan atau perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

LATAR BELAKANG

4. Menurut subseksyen 40(1) dan subseksyen 40(2) Akta 50, tiap-tiap orang yang memperoleh pendaftaran penuh di bawah Akta 50 hendaklah mematuhi notis bertulis yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak KPK yang menghendaki orang itu supaya memegang jawatan perubatan dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam dan pada sesuatu tarikh, dalam setiap hal ini, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.
5. Di bawah sekyen 41 Akta 50, seseorang yang mula berkhidmat dalam sesuatu jawatan dalam sesuatu perkhidmatan awam menurut notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 40(1) hendaklah terus berkhidmat dalam jawatan tersebut atau dalam apa-apa jawatan kemudiannya yang lain sama ada dalam perkhidmatan awam itu juga atau dalam mana-mana perkhidmatan awam lain yang lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh KPK menurut budi bicaranya bagi suatu tempoh terus menerus yang berjumlah tidak kurang daripada dua tahun dengan memuaskan hati KPK dan jika dia tidak berbuat demikian, dia telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 50.
6. Berdasarkan seksyen 41 dan perenggan 40(4)(b) Akta 50, KPK berkuasa untuk menentukan mana-mana perkhidmatan awam bagi Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh untuk melengkapkan khidmat wajib. Pada masa ini, KPK telah menetapkan hanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), institusi pengajian tinggi awam, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan berkanun sebagai perkhidmatan awam tersebut bagi memenuhi tuntutan Akta 50.
7. Menurut subseksyen 40(2) dan seksyen 41 Akta 50, adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang tidak melaksanakan khidmat wajib melainkan mendapat pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan (secara kolektif dirujuk sebagai "kelonggaran") oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan (YBMK) menurut seksyen 42 Akta 50.
8. Apabila pertuduhan di bawah subseksyen 40(2) atau di bawah seksyen 41 Akta 50 dibuktikan dalam mahkamah terhadap mana-mana Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh, pendaftaran orang itu di bawah seksyen 14 hendaklah disifatkan sebagai terbatal dan Pendaftar hendaklah memotong nama orang itu daripada Daftar.

DASAR

9. Khidmat wajib diwujudkan bertujuan;
 - 9.1 Untuk mengatasi masalah kekurangan Pengamal Perubatan Berdaftar di dalam sektor awam;
 - 9.2 Memastikan pengagihan Pengamal Perubatan Berdaftar meliputi perkhidmatan negara; dan
 - 9.3 Sebagai satu keperluan pendedahan klinikal bagi meningkatkan kemampuan dan kemahiran klinikal Pengamal Perubatan Berdaftar.

PELAKSANAAN

Notis Khidmat Wajib

10. Secara umumnya, semua Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang baru dimasukkan nama dalam Daftar atau mendapat Perakuan pendaftaran penuh akan diberikan notis menjalankan khidmat wajib. Pemberian notis ini akan dihantar melalui pos kepada alamat terakhir Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh berkenaan yang diketahui dan/atau e-mel yang dikemukakan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh.

Kelonggaran Khidmat Wajib

11. Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang berhasrat untuk memohon kelonggaran khidmat wajib, boleh mengemukakan permohonan kepada Urusetia Khidmat Wajib, KKM dan kuasa melulus adalah di bawah pertimbangan YBMK atau Ketua Pengarah Kesihatan seperti yang berikut:

- 11.1 pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah pertimbangan YBMK; atau
- 11.2 pertimbangan Ketua Pengarah Kesihatan untuk mengambil kira perkhidmatan Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh dalam mana-mana perkhidmatan awam yang lain selain daripada perkhidmatan awam yang dinyatakan di perenggan 6 Garis Panduan ini sebagai memenuhi keperluan Akta 50 (selepas ini dirujuk sebagai “ambil kira”).

12. Kriteria kelayakan:

- 12.1 Permohonan pengurangan:

Hanya akan dipertimbangkan bagi Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam perkhidmatan awam dari tarikh Perakuan Pendaftaran Penuh.

- 12.2 Permohonan penangguhan:

Secara amnya, penangguhan dipertimbangkan bagi Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang perlu meninggalkan KKM atau perkhidmatan awam lain sebelum tempoh dua tahun dan berhasrat untuk menyelesaikan tempoh khidmat wajib sebaik sahaja tempoh penangguhan tamat.

- 12.3 Permohonan ambil kira:

Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang ingin menyertai sektor akademik atau telah mendapat tawaran kerja di agensi awam lain selain KKM atau ATM boleh memohon kelonggaran ambil kira dengan pertimbangan KPK.

12.4 Permohonan pengecualian:

- 12.4.1 Warganegara Malaysia yang beramat di luar negara dan berhasrat untuk pulang dan beramat di Malaysia layak dipertimbangkan untuk pengecualian sekiranya berumur 40 tahun dan ke atas pada masa permohonan, dengan atau tanpa kelayakan pascasiswa (Kategori I).
- 12.4.2 Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang tidak mendapat sebarang tawaran pekerjaan di dalam perkhidmatan awam selepas 6 bulan memohon pekerjaan (Kategori II).

TATACARA PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB

13. Sila isikan borang yang disediakan dengan lengkap. Borang permohonan dan senarai semak boleh didapati dengan memuat turun borang dari laman sesawang KKM.
14. Sekiranya nama di dalam ijazah dan kad pengenalan berbeza, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah menurut Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13].
15. Sila kemukakan permohonan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang diperlukan dalam Senarai Semak yang disediakan.
16. Permohonan boleh dihantar sendiri, melalui e-mel atau pos kepada :

Urus setia Khidmat Wajib
Cawangan Perkembangan Profesional Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 W.P. PUTRAJAYA
Email : u_k.wajib@moh.gov.my

17. Permohonan hanya akan diproses selepas semua dokumen yang diperlukan dihantar kepada Urusetia Khidmat Wajib. Permohonan akan diproses dalam masa enam (6) minggu hingga lapan (8) minggu dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
18. Surat kelulusan akan dihantar terus kepada pemohon melalui pos kepada alamat terakhir pemohon yang diketahui di samping e-mel yang dikemukakan oleh pemohon.

AKTA PERUBATAN 1971 [AKTA 50]

SEKSYEN 40, 41 DAN 42

BORANG PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR PENUH

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Alamat tempat tinggal :
4. Alamat surat menyurat :

5. No. Tel. Bimbit :
6. Email :
7. No. Pendaftaran Penuh :
8. Tarikh Pendaftaran Penuh :

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PERMOHONAN KELONGGARAN

9. Jenis Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib

Sila pilih satu dengan menandakan (/) di dalam ruangan di bawah.

- Ambilkira perkhidmatan di agensi kerajaan lain sebagai melengkapkan khidmat wajib menurut seksyen 41 atau perenggan 40(4)(b);
Penangguhan menurut seksyen 42(2) untuk tempohtahun;
Pengurangan menurut seksyen 42(1); ATAU
Pengecualian menurut seksyen 42(1).

10. Sebab / Alasan Memohon

- Tawaran pekerjaan di perkhidmatan awam lain
Tawaran pekerjaan di sektor swasta
Melanjutkan pelajaran ke luar negara
Tiada tawaran pekerjaan dalam perkhidmatan awam
Lain-lain. Nyatakan;

11. Cuti / Ketidakhadiran bertugas (sekiranya ada) :

	Cuti Tanpa Gaji / Separuh Gaji
	Tempoh : bulan/ tahun
	(Tarikh : hingga)
	Cuti sakit berpanjangan melebihi 90 hari setahun
	Tempoh : bulan/ tahun
	(Tarikh : hingga)
	Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran
	Tempoh : bulan/ tahun
	(Tarikh : hingga)

12. Saya mengaku dan bertanggungjawab bahawa semua keterangan dalam permohonan ini adalah sah dan benar. Saya juga akur dan bersetuju bahawa pihak kementerian berhak membatalkan permohonan ini pada bila-bila masa sekiranya didapati ada kenyataan yang tidak benar atau palsu.







Tandatangan : _____

Tarikh: _____

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB

**KATEGORI PERMOHONAN: AMBIL KIRA / PENANGGUHAN / PENGURANGAN
(Potong yang mana tidak berkaitan)**

Sila tandakan (/) dan mengemukakan dokumen yang lengkap seperti berikut untuk permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib.

	PERKARA	PEMOHON	URUSETIA
1	Borang Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib (Asal)		
2	Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh (1 Salinan)		
3	Surat Tawaran Pekerjaan / Belajar Yang Berkaitan (1 Salinan)		
4	Surat perletakan jawatan/ ditamatkan perkhidmatan/ dibuang kerja jika berkaitan (1 Salinan)		







SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB

KATEGORI PERMOHONAN: PENGECUALIAN

Sila tandakan (/) dan mengemukakan dokumen yang lengkap seperti berikut untuk permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib.

KATEGORI I:

PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR PENUH BERAMAL DI LUAR NEGARA DAN BERHASRAT UNTUK PULANG KE MALAYSIA YANG BERUMUR 40 TAHUN DAN KE ATAS PADA MASA PERMOHONAN, DENGAN ATAU TANPA KELAYAKAN PASCASISWAZAH.

	PERKARA	PEMOHON	URUSETIA
1	Borang Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib (Asal)		
2	Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh (1 Salinan)		
3	Salinan Kad Pengenalan (1 Salinan)		
4	<i>Letter of Good Standing</i> di Luar Negara (Asal)		







SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB

KATEGORI PERMOHONAN: PENGECUALIAN

Sila tandakan (/) dan mengemukakan dokumen yang lengkap seperti berikut untuk permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib.

KATEGORI II:

PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR PENUH YANG TELAH DIBERIKAN PENDAFTARAN PENUH OLEH MPM DAN TIDAK DITAWARKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM DALAM TEMPOH 6 BULAN SELEPAS MEMOHON JAWATAN.

	PERKARA	PEMOHON	URUSETIA
1	Borang Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib (Asal)		
2	Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh (1 Salinan)		
3	Bukti Permohonan Pekerjaan Di Sektor Awam (1 Salinan)		
4	<i>Letter of Good Standing</i> di Luar Negara Yang Berkaitan (Asal)	